

# Mainan bahaya rencat otak kanak-kanak

BH | 11.07

## INFO

### Mainan kanak-kanak

- 90 peratus permainan kanak-kanak dalam pasaran yang diimport dari China, Indonesia, selain dikeluarkan dalam negara, mempunyai campuran plumbum yang tinggi.
- Plumbum berbahaya boleh merosakkan otak dan menjejaskan proses tumbesaran.
- Dakwaan dibuat berdasarkan kajian Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia (PPSM) ke atas 24 jenis permainan yang mudah diperolehi di pasar raya serta pasar malam.
- Plumbum yang dibenarkan dicampur dalam sesuatu bahan termasuk pada warna, tidak boleh melebihi 0.009 peratus.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pernah merangka draf peraturan keselamatan permainan kanak-kanak, tetapi tidak pernah dikuatkuasakan.



**BAHAYA:** Antara permainan kanak-kanak didakwa mengandungi plumbum berlebihan yang boleh merosakkan otak dan menjejaskan proses tumbesaran.

**Oleh Azman Mahmood**

**P**ETALING JAYA: Sebahagian besar alat permainan kanak-kanak di pasaran negara ini didakwa mengandungi plumbum berbahaya yang boleh merosakkan otak dan menjejaskan proses tumbesaran.

Dakwaan itu dibuat Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia (PPSM) berdasarkan hasil kajian ke atas 24 jenis permainan kanak-kanak, antaranya kereta lumba, set alat kecantikan dan set minuman teh yang mudah diperolehi di pasar

raya serta pasar malam.

Hasil ujian PPSM terhadap warna yang digunakan pada alat permainan itu, mendapati kandungan plumbumnya antara 0.7 hingga 0.9 peratus.

Pengarah PPSM, Ratna Devi, berkata mengikut piawaian Jabatan Piawaian Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, plumbum yang dibenarkan dicampur dalam sesuatu bahan termasuk pada warna, tidak boleh melebihi 0.009 peratus.

“Bagaimanapun, piawaian itu bukan satu peraturan wajib,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, Kementerian Per-

dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga pernah merangka draf peraturan keselamatan permainan kanak-kanak, tetapi tidak pernah dikuatkuasakan.

Sehubungan itu, beliau meminta kementerian berkenaan memberi perhatian serius terhadap kemasukan dan penjualan pelbagai jenis permainan itu kerana bimbang ia memberi kesan negatif terhadap kesihatan kanak-kanak yang berumur kurang 10 tahun.

Kajian persatuan itu mendapati hampir 90 peratus permainan kanak-kanak dalam pasaran yang kebanya-

kannya diimport dari China, Indonesia, selain dikeluarkan dalam negara, mempunyai campuran plumbum yang tinggi.

Bagaimanapun, katanya, ramai ibu bapa tidak sedar permainan itu mempunyai campuran bahan yang sensitif kepada kanak-kanak dan bayi.

“Plumbum yang disentuh, dihidu atau dimasukkan dalam mulut, boleh menjejaskan pembesaran kanak-kanak dan menjejaskan kecerdasan otak, bergantung selama mana kanak-kanak berkenaan terdedah dengan permainan itu.

“Ini bermakna kanak-kanak yang terdedah boleh mengalami kelembapan berfikir, sekali gus menjejaskan pembelajaran,” katanya

Beliau berkata, pihaknya akan menghubungi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kesan plumbum ke atas manusia.

“Kita amat mengambil berat terhadap keselamatan permainan kanak-kanak dan berharap peraturan itu dapat dilaksanakan kerana jika tiada peraturan wajib, amat sukar untuk menghalang kemasukan permainan itu secara bebas,” katanya.